

SEMINAR NAFAS BARU MENJELANG RAMADHAN

KAITAN MEROKOK DENGAN KUALITI IMAN KE ATAS UMAT ISLAM

**Anjuran:
Pusat Islam, Kampus Kesihatan,
Universiti Sains Malaysia,
Kubang Kerian,
Kelantan.**

**Pada:
19 Ogos 2009 – 28 Sya'ban 1430**

**Catatan:
Al-Faqir IlaLlah,**



www.abuanasmadani.com

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا وسيئات أعمالنا، من يهده الله فلا مضل له، ومن يضلل فلا هادي له، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمداً عبده ورسوله، أما بعد.

Ramadhan dan Perubahan:

﴿ شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ﴾ [البقرة: ١٨٥]

Maksudnya: {Bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (di antara yang hak dan yang batil)}. [Al-Baqarah: 185]

Allah ﷻ telah menjadikan bulan Ramadhan sebagai satu bulan yang mulia berbanding bulan-bulan yang lain dengan beberapa kelebihan dan keistimewaan, antaranya ialah:

- Syurga dihias setiap hari pada bulan Ramadhan.
- Syaitan-syaitan dibelenggu sepanjang bulan Ramadhan.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((إِذَا كَانَ أَوَّلَ لَيْلَةٍ مِنْ شَهْرِ رَمَضَانَ صُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ وَمَرَدَةُ الْجِنِّ، وَغُلِّقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ فَلَمْ يُفْتَحْ مِنْهَا بَابٌ، وَفُتِّحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ فَلَمْ يُغْلَقْ مِنْهَا بَابٌ، وَيُنَادِي مُنَادٍ: يَا بَاغِيَ الْخَيْرِ أَقْبِلْ، وَيَا بَاغِيَ الشَّرِّ أَقْصِرْ، وَلِلَّهِ عُتَقَاءُ مِنَ النَّارِ، وَذَلِكَ كُلُّ لَيْلَةٍ)) [رواه الترمذي، "حسن" صحيح الجامع].

Maksudnya: “Daripada Abu Hurairah r.a. bahawasanya Nabi saw telah bersabda: “**Apabila masuk malam pertama bulan Ramadhan, dirantai/dibelenggu para syaitan dan jin yang nakal. Ditutup pintu-pintu neraka, tidak dibuka walau satu pintu dan dibuka pintu-pintu syurga tidak ditutup walau satu pintu dan. Dan ada penyeru yang akan menyeru: 'Wahai golongan yang inginkan kebaikan ayuhlah (melakukannya) dan wahai golongan yang mahukan kejahatan berhentilah". Terserai di sisi Allah nama-nama hamba-Nya yang bebas daripada api neraka pada setiap malam**” (HR Tirmizi)

Para ulama berbeza pendapat tentang maksud dibelenggu para syaitan. Ibn Hajar al-‘Asqalani menukulkan dari al-Halimiy yang menyatakan maksud dibelenggu itu mengandungi makna para syaitan tidak dapat sampai melakukan fitnah kepada umat Islam sepertimana diluar bulan Ramadhan disebabkan umat Islam menyibukkan diri dengan berpuasa yang berperanan melemahkan syahwat, demikian juga mereka sibuk dengan membaca al-Quran dan berzikir.

Syeikh ‘Atiyah Saqr menyebut beberapa ulama yang mensyarahkan hadith ini menyatakan yang dimaksudkan dibelenggu ini ialah tidak dapat menguasai orang-orang yang benar-benar berpuasa dengan puasa yang sebenarnya, dengan meraikan setiap adab-adab termasuk memelihara lidah, pandangan dan semua anggota dari melakukan maksiat sebagai memenuhi sabda Nabi saw:

Maksudnya: “**Sesiapa yang tidak meninggalkan perkataan bohong dan perbuatan yang keji, maka Allah tidak ada hajat kepada makanan dan minuman yang ditinggalkannya.**” (HR al-Bukhari)

Sebahagian ulama yang lain pula berpendapat maksud para syaitan yang dibelenggu itu ialah sebahagian syaitan yang degil/melampau, adapun selain daripadanya tidak dibelenggu. Inilah yang dinyatakan di dalam hadith: Maksudnya: “Dibelenggu padanya (Ramadhan) syaitan-syaitan yang degil/melampau.” Maka dibelenggu syaitan itu adalah perumpamaan melemahkan syaitan dalam menyesatkan umat Islam dan menghiasi syahwat mereka.

- Pintu-pintu syurga dibuka dan pintu-pintu neraka ditutup.
- Terdapat pada bulan ini *Lailatul Qadar* yang mana ianya lebih baik daripada seribu bulan. Sesiapa yang tidak mengambil peluang untuk membuat kebaikan dan beramal padanya maka dia telah melepaskan semua peluang kebaikan.

- Pada setiap malam Ramadhan tersenarai di sisi Allah nama-nama hamba-Nya yang bebas daripada api neraka.

Sabda Rasulullah ﷺ:

((كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ، الْحَسَنَةُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِمِائَةِ ضِعْفٍ، قَالَ اللَّهُ ﷻ: إِلَّا الصَّوْمَ؛ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْرِي بِهِ، يَدْعُ شَهْوَتَهُ وَطَعَامَهُ مِنْ أَجْلِي. لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ: فَرْحَةٌ عِنْدَ فِطْرِهِ، وَفَرْحَةٌ عِنْدَ لِقَاءِ رَبِّهِ. وَلِخُلُوفٍ فِيهِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ)) [مسلم: ١١٥١]

Maksudnya: “Setiap amalan anak Adam itu digandakan pahalanya, satu kebaikan seumpama sepuluh, hingga 700 kali ganda. Allah berfirman (dalam hadis qudsi): Kecuali puasa, sesungguhnya ia adalah untuk Aku dan Akulah yang akan memberikan ganjarannya. Dia meninggalkan syahwatnya, makanannya kerana Aku. Bagi orang-orang yang berpuasa dua kegembiraan, kegembiraan ketika berbuka puasa dan kegembiraan ketika bertemu dengan Tuhannya, dan bau mulut orang yang berpuasa itu lebih harum daripada bau kasturi di sisi Allah.” [HR: Muslim dari Abu Hurairah ﷺ]

Sabda Rasulullah ﷺ:

((مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ)) [متفق عليه]

Maksudnya: “Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan *Ihtisab* (mengharapkan pahala) maka diampunkan baginya dosa-dosa yang lepas”. [HR: Al-Bukhari dan Muslim].

- Bau mulut orang yang berpuasa lebih wangi daripada haruman kasturi di sisi Allah.
- Para malaikat memohon keampunan untuk orang yang berpuasa sehingga dia berbuka.
- Orang-orang yang berpuasa akan mendapat keampunan pada malam yang terakhir daripada bulan Ramadhan.

Berpuasa memberi banyak faedah kepada kehidupan jasmani dan rohani.

Kaedah berpuasa juga digunakan oleh para doktor untuk mengubati sebahagian penyakit seperti masalah kegemukan.

Dalam konteks rohani, ia amat berfaedah untuk menjinakkan nafsu yang liar, melatih untuk bersabar, memahami erti kefakiran dan sebagainya.

Fatwa semasa mengenai hukum merokok menjurus kepada haram

Fatwa Semasa Mengenai Hukum Merokok' yang dikeluarkan oleh bererapa orang Mufti / Ulama';

1. Kerajaan Arab Saudi mengeluarkan fatwa bahawa merokok, menanam tembakau dan memperniagakannya hukumnya adalah haram kerana daripadanya terdapat kemudharatan.
2. Ulama-ulama semasa seperti Dr Abdul Jalil Shalabi mengatakan merokok adalah haram kerana ia boleh mendatangkan kemudharatan kepada kesihatan masyarakat.
3. Dr Zakaria Al Bari (anggota Akademi Kajian Islam dan Anggota Lajnah Fatwa Al-Azhar) menyatakan merokok hukumnya haram adalah pendapat yang kuat.
4. Syeikh Abdul Halim Mahmud dalam kitabnya telah memberi fatwa merokok hukumnya makruh jika ia tidak mendatangkan kemudharatan kepada kesihatan. Sebaliknya adalah haram jika ia mendatangkan kemudharatan kepada kesihatan.
5. Syeikh Hasanain Makhluף iaitu mantan Mufti Kerajaan Mesir telah menetapkan merokok adalah haram jika mendatangkan mafsadat kesihatan dan mengurangkan hak keluarga dari segi pengurangan nafkah kepada keluarganya. Makruh jika mafsadat itu tidak ketara atau tidak mengurangkan hak nafkah keluarga.
6. Ulama terkenal masa kini Dr Yusof Qaradhawi juga telah menfatwakan bahawa merokok adalah HARAM disisi agama.

7. Di Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia Kali Ke-37 yang berlangsung pada 23 Mac 1995 telah memutuskan bahawa amalan merokok itu hukumnya adalah haram menurut pandangan Islam.

8. Fatwa Negeri Selangor Darul Ehsan yang telah diwartakan pada 7 Disember 1995 di bawah Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 telah menyebutkan bahawa amalan menghisap apa jua jenis rokok adalah haram bagi mana-mana orang Islam.

9. Fatwa Negeri Perlis memutuskan bahawa menanam tembakau atau merokok dan memanfaatkan hasil tembakau adalah haram.

10. Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah berpegang kepada fatwa merokok adalah haram walaupun sehingga kini belum ada penguatkuasaan berhubung perkara itu kerana berdasarkan pendapat pengamal perubatan bahawa perbuatan merokok boleh mendatangkan mudarat.

11. Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka juga telah bersetuju menerima pakai keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia Kali Ke-37 bahawa amalan merokok itu hukumnya adalah haram. [Harakahdaily.net]

Melihat kepada senarai ini, merokok sudah difatwakan haram oleh majlis ulama Malaysia sebelum tahun 2000 tetapi entah mengapa fatwa ini hanya diwartakan beberapa tahun kemudian. Mungkin mereka ingin memberi peluang kepada syarikat rokok untuk lebih bersedia menangani kesan dari fatwa ini. Namun apa yang jelas sama ada diwartakan atau tidak, bilangan mereka yang merokok terus meningkat.

SEJARAH ROKOK DAN TEMBAKAU

Apabila menyebut rokok, maka ianya tidak lepas dari perbincangan tentang tembakau. Berdasarkan kepada maklumat, tembakau ini tidak dikenali melainkan pada awal kurun ke 11 hijrah. Ekoran dari itu, ulama-ulama di zaman sebelum itu tidak memperkatakan hukum rokok.

Mengikut dakwaan sesetengah pihak, amalan merokok ini berasal dari amerika dan merebak ke eropah dalam kurun ke 16. [Ifadah Al-Ikhwan bi Adillah Tahrim Syurb Ad-Dukhan : m/s 9].

Pada awalnya, amalan merokok ini dianggap sebagai salah satu amalan untuk perubatan. Pada kurun ke 19, amalan merokok ini sudah tersebar di seluruh dunia, termasuk dunia umat Islam ketika itu [Ifadah Al-Ikhwan: m/s 11].

Setelah amalan merokok ini tersebar, didapati ianya banyak memberi kerosakan dan menjejaskan kepada kesihatan, terutama kepada kesihatan otak, jantung, penglihatan mata dan sebagainya.

Apa yang lebih teruk dari itu adalah, terjejasnya kesihatan itu bukan sekadar dikalangan perokok sahaja, tetapi ianya merebak kepada mereka-mereka yang tidak merokok juga.

Perkara ini telah diakui oleh sebilangan besar Doktor-doktor di dunia, sehinggakan kemudharatan merokok ini sudah boleh dianggap sebagai sesuatu yang “disepakati” dikalangan para doktor. Ekoran dari keadaan rokok yang banyak memberi kesan buruk kepada manusia, maka ulama-ulama mula berijtihad dalam menyatakan hukum rokok.

HUKUM ROKOK ADALAH HARAM

Telah dinyatakan di atas, boleh dikatakan seluruh para doktor dunia telah “bersepakat” bahawa merokok adalah sesuatu yang boleh memudharatkan kepada kesihatan.

Maka dengan itu, Islam telah menetapkan hukum bahawa, merokok itu adalah haram dengan beberapa alasan.

Antara sebab pengharaman Rokok adalah seperti berikut;

a-Ada kaitan dengan arak.

Berdasarkan kepada satu kajian, sebelum rokok di buat, tembakau akan di peram dengan perahan anggur atau perahan epal. Dalam keadaan ini, perahan anggur dan apel ini sebenarnya merupakan antara cirri-ciri arak. [Ifadah Al-Ikhwan: m/s 50].

Dalam keadaan inilah, dapat dikatakan rokok ini sebenarnya berasal dari tembakau yang telah diperam bersama perahan arak yang telah di haramkan oleh Allah SWT. Firman Allah;

{يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ}

Maksudnya; “Wahai orang-orang Yang beriman! Bahawa Sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib Dengan batang-batang anak panah, adalah (Semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya” (Surah Al-Maidah : 90)

b- Rokok membunuh.

Sememangnya diketahui, rokok merupakan antara alat untuk membunuh manusia secara perlahan. Semuanya berpunca dari kemudharatan disebalik merokok.

Memudharatkan diri sendiri merupakan perkara yang diharamkan oleh Allah. Firman Allah;

{وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ}

Maksudnya; {Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke Dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya Segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berusaha memperbaiki amalannya.} (Surah Al-Baqarah: 195)

Begitujuga, rokok tidak sekadar memberi mudharat kepada diri perokok sahaja, bahkan rokok dapat memberi mudharat kepada orang tidak merokok juga. Keadaan ini adalah haram di sisi Islam dengan firman Allah;

{وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا}

Maksudnya: {Janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu}. (Surah An-Nisa' : 29) Dan sabda Nabi SAW:

{لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ}

Maksudnya; “Tidak boleh memberi mudharat dan tidak boleh memudharatkan kepada orang lain.” [Muwatta' : 2/745 : hadis no : 1429].

c- Rokok adalah perkara yang buruk.

Firman Allah;

{الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ

{وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ}

Maksudnya; “Iaitu orang-orang Yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w) Nabi Yang Ummi, Yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di Dalam Taurat dan Injil Yang ada di sisi mereka. ia menyuruh mereka Dengan perkara-perkara Yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara Yang keji; dan ia **menghalalkan bagi mereka Segala benda Yang baik, dan mengharamkan kepada mereka Segala benda Yang buruk**”. (Surah Al-'Araf : 157)

Firman Allah ini dengan jelas Allah menyatakan bahawa, Allah menghalalkan kepada manusia segala perkara yang baik dan mengharamkan perkara yang buruk (tidak baik).

Imam Ibnu Kathir dalam mentafsirkan ayat ini mendatangkan maksud “**tayyibat**” dan “**Khabisat**” dengan beberapa pendapat ulama dengan katanya;

فكل ما أحل الله تعالى من المآكل فهو طيب نافع في البدن والدين وكل ما حرمه فهو خبيث ضار في البدن والدين

Maksudnya; "Setiap yang Allah halalkan daripada makanan, maka ia adalah baik dan memberi manfaat kepada badan dan agama. Dan setiap perkara yang Allah haramkan, maka ia adalah perkara yang buruk, memberi mudharat kepada badan dan agama. [Tafsir Ibn Kathir : 2/255].

Rokok sememangnya tidak memberi manfaat kepada agama dan badan, tetapi hakikatnya adalah, rokok dapat memberi keburukan dan mudharat kepada badan dan agama. Ekoran dari itu, dari firman Allah ini jelas kepada kita bahawa rokok adalah haram.

d- Merokok adalah pembaziran.

Dengan menghisap rokok, tiada kebaikan yang didapati melainkan keseronokan yang tidak memberi faedah kepada diri disamping memberi kesan mudharat kepada kesihatan. Ekoran dari itu, dengan menghisap rokok akan menyebabkan perokok akan melakukan pembaziran yang diharamkan oleh Allah SWT. Firman Allah;

{إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا}

Maksudnya; "Sesungguhnya orang-orang Yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk Yang sangat kufur kepada Tuhannya". (Surah Al-Isra' : 27)

Keharaman membazir ini tidak dikhususkan kepada sesiapa pun, samada dia kaya atau miskin. Ibnu Mas'ud dan Ibnu Abbas mendefinisikan membazir adalah ;

التبذير الإنفاق في غير حق

Maksudnya; "Membazir adalah menginfaqkan pada yang tidak dijalan kebenaran"
Mujahid pula menyatakan;

لو أنفق إنسان ماله كله في الحق، لم يكن مبذراً، ولو أنفق مداً في غير حقه كان تبذيراً

Maksudnya; "Kalau insan menafkahkan semua hartanya pada kebenaran, itu tidak dinamakan sebagai membazir. Dan kalau dia menafkahkan satu cupak pada bukan jalan kebenaran, maka itu sudah dikira sebagai membazir"

Adapun Qatadah pula menyatakan;

التبذير النفقة في معصية الله تعالى، وفي غير الحق وفي الفساد

Maksudnya; "Membazir adalah nafkah pada maksiat kepada Allah dan tidak diatas jalan kebenaran disamping untuk melakukan kerosakan".[Tafsir Ibn Kathir : 3/37].

Dari ketiga-tiga definisi ini, didapati semuanya bersesuaian dengan merokok. Ekoran dari itu, jelas bahawa rokok adalah haram.

e- Rokok menghasilkan bau busuk.

Jika bawang dilarang dari memakannya oleh Rasulullah SAW sehingga ulama menyatakan atas makruh memakannya disebabkan baunya yang busuk. Iaitu dengan hadis;

عن ابن عمر رضي الله عنهما أن النبي ﷺ قال في غزوة خيبر: من أكل من هذه الشجرة يعني الثوم فلا يقربن مسجدنا

Maksudnya; "Daripada Ibn Omar, sesungguhnya Nabi SAW berkata dalam peperangan Khaibar, barangsiapa yang makan daripada ini – iaitu bawang putih – maka dia dilarang menghampiri masjid kami". [Sahih Al-Bukhari: 1/292: hadis no: 815.]

Dalam hadis ini, nabi SAW melarang makan bawang kerana baunya. Maka berdasarkan kepada *qiyas awla*, terlebih melaranglah oleh nabi SAW dari menghisap rokok yang baunya lebih busuk dari bau bawang. [<http://al-bakistani.blogspot.com>]

Di antara langkah-langkah untuk berhenti merokok, insya'allah.

Secara mudah kita semua boleh melihat kesan merokok ini dari dua aspek. Aspek pertama ialah ia jelas membazir. Apatah lagi dengan harga rokok yang mahal sekarang. Membazir adalah kerja syaitan. Setiap pembaziran jelas hukumnya iaitu haram. Aspek yang kedua pula ialah merokok jelas merosakkan anggota tubuh iaitu paru-paru. Allah menjadikan tubuh badan kita dengan begitu elok sekali dan setiap kita hendaklah menjaga tubuh badan agar sentiasa sihat. Dengan merokok ia akan merosak paru-paru dan dengan ini jelas hukumnya adalah haram.

Walaupun hukum merokok ini jelas haram, namun ramai manusia yang mempersendakan hukum Allah. Ada yang tergamak mempersendakan hukum ini dan berhujah dengan pelbagai dalilnya bahawa merokok bukanlah haram. Masya'-Allah. Begitulah Syaitan sudah menjadikan perbuatan buruk mereka dipandang baik oleh golongan ini seperti yang Allah banyak kali sebutkan dalam Al Quran. Begitulah juga golongan yang tidak memakai tudung. Mereka memandangi diri mereka adalah lebih mulia, moden dan berpendidikan berbanding daripada mereka yang memakai tudung dan tudung labuh.

Bagi perokok, selalunya mereka memandangi diri mereka lebih macho, segak dan bergaya dengan tabiat merokok mereka. Bagi golongan ini, tidak merokok adalah sesuai bagi golongan yang mundur, pondan, antisosial dan lemah. Begitulah tipu daya syaitan yang menipu golongan perokok yang sebenarnya bodoh dan sangat lemah sehingga mudah ditipu dan dipermainkan oleh syaitan.

Susah sangatkah seseorang itu untuk berhenti menghisap rokok?? Sebenarnya ia boleh jadi senang atau susah dan ianya bukan bergantung ke atas Allah semata-mata tetapi bergantung kepada perokok itu sendiri. Pada waktu bulan puasa, semua perokok hampir tiada masalah untuk tidak merokok pada waktu siang kerana perokok tersebut sudah menetapkan niatnya serta bertekad untuk berhenti sekadar pada waktu siang sahaja. Allah sekadar memudahkan proses seterusnya setelah manusia itu sudah berniat dan bertekad. Namun perokok tidak ada niat dan tekad untuk berhenti merokok pada sebelah malamnya. Itulah sebabnya Allah mengizinkan perokok untuk terus merokok pada sebelah malamnya kerana itulah sebenarnya kehendak dan tekad perokok.

Sekiranya perokok berniat dan bertekad untuk terus berhenti merokok, sebenarnya dengan menggunakan model bulan puasa, ia adalah suatu proses yang mudah sekiranya perokok tersebut hendak menjadikannya mudah. Ramai yang dinasihati alhamdulillah berjaya terus berhenti merokok dengan mudah sekali kerana perokok tersebut menjadikannya mudah.

Bagi memudahkan proses berhenti merokok, boleh gunakan nasihat berikut:

- 1- Elakkan dari berkata sebutan yang negatif seperti "**susahlah nak berhenti merokok**" atau "**lecehlah**" kerana sebenarnya setiap sebutan kita adalah doa. Apabila kita berkata dengan sebutan negatif ini, sebenarnya insya'-Allah Allah akan memakbulkan doa tersebut lalu diberikan Allah jalan yang sukar untuk berhenti merokok. Sebaik-baiknya jangan berkata apa-apa bila hendak berhenti merokok.
- 2- Seterusnya gantilah sebutan berkaitan keinginan berhenti merokok ini dengan sebutan yang positif dan doa seperti "ya Allah permudahkan usaha aku untuk berhenti merokok buat selama-lamanya". Sebutlah selalu sama ada di mulut atau didalam hati dengan sebutan seperti ini atau sebutan lain yang positif. Ingat setiap sebutan adalah sebenarnya doa.
- 3- Sembahyang sunat taubat dua rakaat dengan sepenuh taubat dari perbuatan merokok lalu dan minta Allah ampunkan
- 4- Sembahyang sunat hajat dengan satu doa yang bulat iaitu minta Allah permudahkan segala urusan berkaitan hajat untuk berhenti merokok buat selama-lamanya.

- 5- Kesalilah perbuatan merokok anda yang lalu kerana ini adalah sebahagian dari tanda bertaubat. Seterusnya teruskan tekad untuk berhenti selama-lamanya. Pandang hinalah perbuatan merokok anda yang lalu dan kepada rakan-rakan anda yang merokok.
- 6- Jauhi diri anda dari semua rakan anda yang merokok kerana mereka semua tidak akan redha dengan usaha anda berhenti merokok. Mereka akan menasihati anda untuk kembali kepada merokok. Asap rokok mereka juga adalah amat menyulitkan sekiranya anda terbau terutama sekali pada awal peringkat berhenti merokok ini.

Akhir sekali nasihat kepada yang merokok, berhentilah melakukan dosa berkaitan menghisap rokok. Berhenti merokok sebenarnya satu proses yang sangat mudah sekiranya perokok ingin menjadikannya mudah dan ia akan menjadi sangat sukar sekiranya perokok seorang yang lemah dan gembira dengan tabiat merokok ini dan tiada niat dan tekad untuk berhenti.

Berhentilah merokok kerana perokok bakal mewarisi tabiat ini kepada anak-anak dan keturunan. Ia juga menunjukkan betapa lemahnya imannya seseorang itu kerana tidak mampu untuk menghayati ajaran Islam dan sunnatu Rasulullah saw, kerana semua larangan dan kesan perbuatan merokok bertentangan dengan hukum dan ajaran Islam.

Ambillah peluang dan kesempatan dengan kedatangan Ramadhan yang penuh keberkatan, pengampunan dan rahmat ini untuk memulakan azam baru, hidup baru yang lebih sihat dan bersih dari sudut dunia dan akhirat, insya'allah. Bak kata pepatah, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih, di mana ada kemahuan di situ pasti ada jalan. [<http://emjayb.multiply.com/>].

Rokok dan Iman:

Syariah Islam diturunkan oleh Allah untuk memberikan kebaikan dan kemaslahatan kepada manusia. Objektif atau maqasid hukum Islam ialah untuk menjaga kepentingan dan keperluan manusia di dunia serta akhirat. Syariah Islam dibina dengan asas untuk membawa kebaikan dan menolak keburukan (*Jalb al-masalih wa dar' al-mafasid*) - (جلب المصالح ودرء المفاسد).

Berkata Ibn Al-Qayyim rh:

إِنَّ الشَّرِيْعَةَ مَبْنَاهَا وَأَسَاسُهَا عَلَى الْحُكْمِ وَمَصَالِحِ الْعِبَادِ فِي الْمَعَاشِ وَالْمَعَادِ، وَهِيَ عَدْلٌ كُلُّهَا، وَرَحْمَةٌ كُلُّهَا، وَمَصَالِحُ كُلُّهَا، وَحِكْمَةٌ كُلُّهَا؛ فَكُلُّ مَسْأَلَةٍ خَرَجَتْ عَنِ الْعَدْلِ إِلَى الْجَوْرِ، وَعَنِ الرَّحْمَةِ إِلَى ضِدِّهَا، وَعَنِ الْمَصْلَحَةِ إِلَى الْمَفْسَدَةِ، وَعَنِ الْحِكْمَةِ إِلَى النُّبْعِ؛ فَلَيْسَتْ مِنَ الشَّرِيْعَةِ وَإِنْ أُدْخِلَتْ فِيهَا بِالتَّأْوِيلِ

“Syariah Islam dibina atas asas hikmah kebijaksanaan, kemaslahatan hamba di dunia dan akhirat. Syariat semuanya adil, masalah, hikmah. Maka semua perkara yang keluar dari batasan keadilan kepada kezaliman, dari rahmat kepada lawannya, dari masalah kepada mafsadah, hikmah kepada pekerjaan sia-sia, maka ia bukanlah dari Syariat Islam walaupun dimasukkan ke dalamnya secara takwil” [Ibn Al-Qayyim, l’lam Al-Muwaqqi’iin].

Maslahah yang menjadi tujuan Syariat ini merangkumi lima perkara; *Hifz al-Din* (agama), *Hifz al Nafs* (nyawa/jiwa), *Hifz al Aql* (akal), *Hifz al Nasb* (keturunan, termasuk juga maruah) dan *Hifz al-Mal* (harta).

Dalilnya firman Allah swt:

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰ أَنْ لَا يُشْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَانٍ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِيَنَّكَ فِي مَعْرُوفٍ مُّبِينٍ وَأَسْتَغْفِرَنَّ لَهُنَّ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥١﴾

Maksudnya: {Wahai Nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahawa mereka tidak akan menyekutukan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka (mengadakan pengakuan-pengakuan palsu mengenai hubungan) dan tidak akan menderhakaimu dalam urusan yang baik, Maka terimalah janji setia

mereka dan mohonkanlah keampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. } [Al-Mumtahanah: 12].

Maka setiap yang mengandungi penjagaan dan keselamatan ke atas lima perkara ini amat ditekanakan dan disebut *masalah*, manakala setiap yang membuat hilangnya penjagaan dan kesejahteraannya disebut *mafsadah* (kerusakan/perbuatan yang merosakkan).

Penjagaan dan pemeliharaan terhadap lima perkara ini merupakan satu aspek yang sangat penting dalam penentuan Syariat Islam. Ini menunjukkan bahawa penjagaan terhadapnya merupakan satu cara dan juga sebagai suatu alat untuk menghasilkan satu tujuan terpenting dalam kehidupan manusia iaitu mengabdikan diri yang sebenarnya terhadap Allah swt semata-mata.

Maka sudah jelas dan terang sekali bahawa perbuatan merokok bercanggah dan bertentangan dengan ajaran Islam dan maqasid al-syariah iaitu menjaga lima perkara; Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta Benda:

Ini kerana merokok secara kesimpulannya merosakkan kesemua lima perkara ini:

- 1- Menjejaskan akal/mental.
- 2- Membahayakan kesihatan fizikal.
- 3- Membahayakan keselamatan diri dan orang lain.
- 4- Membahayakan keturunan.
- 5- Mengganggu manusia lain.
- 6- Menimbulkan akhlak buruk.
- 7- Menyia-nyiakan waktu hidup.
- 8- Bercanggah dengan maruah keIslaman.
- 9- Membazirkan harta (wang).
- 10- Menimbulkan permusuhan di antara manusia.

PENUTUP

Perokok juga seolah-olah sengaja menempah maut, ini kerana, jika dilihat kepada kotak-kotak rokok, tertulis padanya pesanan tentang bahaya merokok, tetapi manusia tetap juga menghisap rokok. Merokok ibarat membunuh diri sendiri, tiada manfaatnya. Usaha kerajaan melaksanakan kempen "tak nak" sudah baik. Cumanya ia perlu ditambahkan lagi. Bukan tak nak merokok tapi haram merokok!

Secara mudah kita semua boleh melihat kesan merokok ini dari dua aspek. Aspek pertama ialah ia jelas membazir. Apatah lagi dengan harga rokok yang mahal sekarang. Membazir adalah kerja syaitan. Setiap pembaziran jelas hukumnya iaitu haram. Aspek yang kedua pula ialah merokok jelas merosakkan anggota tubuh iaitu paru-paru. Allah menjadikan tubuh badan kita dengan begitu elok sekali dan setiap kita hendaklah menjaga tubuh badan agar sentiasa sihat. Dengan merokok ia akan merosak paru-paru dan dengan ini jelas hukumnya adalah haram.

Setiap dosa walau dosa kecil, sekiranya dilakukan berulang kali akan menjadikan pelakunya FASIK. Dosa ini mengundang pelbagai musibah dan kesulitan hidup anda didunia dan pastinya diakhirat perokok ini akan mendapat balasan setimpal dengan dosa-dosa ini.

Dari perbahasan ini jelas kepada kita bawah rokok adalah sesuatu yang haram, terutama rokok-rokok tersebut adalah rokok yang banyak memberi sokongan ekonomi kepada Israel yang sedang menyerang Islam. Akal yang rasional akan menolak rokok kerana ia bukan sahaja memberi kesan buruk terhadap akal-fikiran, tubuh-badan, diri sendiri dan keluarga, orang ramai dan masyarakat, bahkan terhadap iman dan agama! Sekian.

وصلی الله وسلم علی خیر خلقه محمد وعلی آله وصحبه وسلم